

SULIT**PERCUMA**

BP/1-2023

Rujukan Pejabat

**BORANG PENCALONAN PENGURNAAN
DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT SEMPENA
HARI KEPUTERAAN DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TAHUN 2023**

Sila Lekatkan Gambar
Calon Di Sini

Arahan:

- 1 Lengkapkan borang dengan jelas di mana berkaitan
- 2 Isikan dengan **HURUF BESAR** dan tandakan \checkmark dalam petak-petak yang berkaitan
- 3 **SILA SERTAKAN KURIKULUM VITAE/RESUME YANG LENGKAP CALON**
- 4 **SILA SERTAKAN SALINAN KAD PENGENALAN CALON**
- 5 **PERHATIAN: Borang Yang Tidak Lengkap Tidak Akan Diproses Dan Ditolak**

**PERTUBUHAN POLITIK / PERTUBUHAN KEMASYARAKATAN / BADAN SUKARELA /
SWASTA / PERSENDIRIAN**

RINGKASAN PENCALONAN

BAHAGIAN A: KETERANGAN PERIBADI CALON (DIISI OLEH PENCADANG)

- 1 Nama Penuh Pencadang :
- 2 Organisasi :
- 3 Jawatan Pencadang :
- 4 Hubungan dengan calon :
- | | | | |
|---------------------------|--------------------------|---|--------------------------|
| i) Profesional /Pekerjaan | <input type="checkbox"/> | ii) Penglibatan Pertubuhan/ Badan Sukarela / Syarikat | <input type="checkbox"/> |
| iii) Persahabatan | <input type="checkbox"/> | iv) Keluarga | <input type="checkbox"/> |

- 5 Nama Penuh Calon :
- 6 Jawatan :
- 7 No. Kad Pengenalan : a) Baru :
b) Lama :
c) Polis / Tentera :
- 8 Umur :

- 9 Cadangan Anugerah :

10 Jenis-Jenis Kurniaan Yang Telah Diterima Oleh Calon Sebelum Ini

Bil	Nama Pingat	Negeri	Tahun

BAHAGIAN B : KATEGORI PENCALONAN (DIISI OLEH PENCADANG BERKENAAN CALON)

1 Kategori Pencalonan :

PERTUBUHAN POLITIK

PERTUBUHAN KEMASYARAKATAN

BADAN SUKARELA

SWASTA

PERSENDIRIAN (Sila terus ke ruangan 1.4)

1.1 Nama Pertubuhan /Badan Sukarela/ Syarikat/ Majikan:-

1.2 Nama Syarikat dan alamat pejabat:-

1.3 Jawatan yang disandang:-

1.4 Sumbangan / Jasa kepada Pertubuhan / Badan Sukarela / Syarikat /Majikan:-

(Gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)

1.5 Sumbangan / Jasa kepada Negeri Sembilan:-

(Gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)

1.6 Pada pendapat anda, nyatakan sebab-sebab calon layak diberikan pingat.

1.7 Nama Darjah Kebesaran/Bintang/Pingat Yang Dicadangkan

Sila tanda \checkmark dalam satu kotak berkaitan sahaja di bawah ini:

Darjah Seri Utama Negeri Sembilan
(SUNS)

Darjah Seri Setia Negeri Sembilan
Yang Amat Cemerlang (SSNS)

Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan
(DPNS)

Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan
(DBNS)

Darjah Setia Negeri Sembilan
(DNS)

Darjah Pekerti Terpilih
(DPT)

Ahli Setia Negeri Sembilan
(ANS)

Pingat Keberanian Cemerlang
(PKC)

Pingat Khidmat Cemerlang
Masyarakat (PMC)

Pingat Jasa Kebaktian
(PJK)

Pingat Khidmat Lama
(PKL)

BAHAGIAN C : TANDATANGAN CALON, PENCADANG DAN PENYOKONG

1 Tandatangan dan Pengakuan Calon

1.1 Adakah anda mempunyai rekod jenayah?

YA

TIDAK

(Jika YA, sila nyatakan):

.....
.....
.....

1.2 Adakah anda pernah diisytiharkan bankrap?

YA

TIDAK

(Jika YA, sila nyatakan):

.....
.....

Saya mengakui semua maklumat yang diberikan adalah benar.

Tarikh : _____

Tandatangan Calon

2 Ulasan Oleh Pencadang / Ketua Jabatan yang Mencadangkan

.....
.....
.....

Tarikh: _____

Tandatangan

Cop Rasmi

Nama dan Jawatan Pencadang

3 Saya **MENYOKONG/TIDAK MENYOKONG pencalonan pegawai di atas.**

Tarikh : _____

Tandatangan

Nama dan Jawatan Penyokong

MAKLUMAT PINGAT
JENIS KURNIAAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1. DARJAH SERI UTAMA NEGERI SEMBILAN (S.U.N.S.)

Darjah ini membawa gelaran Dato' Seri Utama dan isterinya bergelar Datin Seri. Hanya individu yang telah pun dikurniakan darjah yang membawa gelaran Dato' oleh Kerajaan Negeri Sembilan atau Kerajaan Negeri-Negeri lain layak menerima anugerah ini. Individu tersebut juga mestilah berjawatan tinggi dan telah menyumbangkan bakti cemerlang kepada DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Negeri Sembilan. Atas perkenan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, darjah ini juga boleh dikurniakan kepada sesiapa sahaja berdasarkan kemesraan yang tinggi terhadap Baginda.

2. DARJAH SERI SETIA NEGERI SEMBILAN YANG AMAT CEMERLANG (S.S.N.S)

Darjah ini membawa gelaran Dato' Seri kepada penerima dan isterinya bergelar Datin Seri. Hanya individu yang telah pun dikurniakan Darjah yang membawa gelaran Dato' layak menerima anugerah ini. Darjah ini dikhususkan kepada individu yang berjawatan tinggi dan telah banyak memberi sumbangan yang cemerlang kepada DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Negeri dan Negara. Atas perkenan Kebawah Duli Tuanku, Darjah ini juga boleh dikurniakan kepada sesiapa sahaja berdasarkan kemesraan yang tinggi terhadap baginda.

3. DARJAH DATO' PADUKA NEGERI SEMBILAN (D.P.N.S.)

Darjah ini membawa gelaran Dato' dan isterinya bergelar Datin. Darjah ini dianugerahkan kepada individu-individu yang berjawatan tinggi dan telah menyumbang bakti cemerlang kepada DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Negeri Sembilan. Atas perkenan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, darjah ini juga dianugerahkan kepada sesiapa sahaja yang Baginda fikir layak dan sesuai berdasarkan kemesraan yang tinggi terhadap Baginda. Calon-calon daripada kalangan pegawai-pegawai Kerajaan, hendaklah tidak kurang daripada Gred JUSA C atau yang setaraf dengannya.

4. DARJAH SETIA BAKTI NEGERI SEMBILAN (D.B.N.S)

Darjah ini membawa gelaran Dato' dan isteri akan bergelar Datin. Ia dikurniakan kepada orang perseorangan yang telah berbakti kepada DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Negeri Sembilan. Darjah ini juga dikurniakan kepada ahli politik, ahli perniagaan dan individu yang berjaya dalam bidang masing-masing. Pencalonan di kalangan pegawai kerajaan adalah sekurang-kurangnya GRED JUSA C atau yang setaraf.

5. DARJAH SETIA NEGERI SEMBILAN (D.N.S.)

Darjah ini dianugerahkan kepada individu yang telah memberi perkhidmatan dan bakti cemerlang kepada DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Negeri Sembilan. Atas perkenan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, darjah ini juga dianugerahkan kepada sesiapa sahaja yang Baginda fikir layak dan sesuai berdasarkan kemesraan yang tinggi terhadap baginda. Gred jawatan calon-calon dikalangan pegawai Kerajaan hendaklah tidak kurang daripada Gred M54 atau yang setaraf dengannya.

6. DARJAH PEKERTI TERPILIH (D.P.T.)

Darjah ini dikurniakan kepada individu yang telah menunjukkan jasa yang cemerlang dan tingkah laku yang terpuji dalam Negeri Sembilan. Calon-calon dikalangan pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah dalam gred 48 ke atas dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama lima (5) tahun atau telah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Sembilan selama dua (2) tahun.

7. **AHLI SETIA NEGERI SEMBILAN (A.N.S.)**

Pingat ini dikurniakan kepada individu yang telah menunjukkan taat setia dan jasa yang cemerlang serta tingkah laku yang terpuji di Negeri Sembilan atau di Malaysia. Calon-calon di kalangan pegawai Kerajaan hendaklah tidak kurang daripada gred 41 atau yang setaraf dengannya. Calon-calon juga boleh daripada kalangan individu yang berjaya dengan cemerlangnya dalam bidang sukan, peniagaan dan kebajikan.

8. **PINGAT KEBERANIAN CEMERLANG (P.K.C.)**

Pingat ini dikurniakan kepada individu yang melakukan sesuatu jasa keberanian yang cemerlang dalam keadaan yang boleh membahayakan dirinya sendiri.

9. **PINGAT KHIDMAT CEMERLANG MASYARAKAT (P.M.C.)**

Pingat ini dikurniakan kepada individu yang telah menyumbang perkhidmatan terbaik dan boleh diteladani. Dikalangan kakitangan Kerajaan pula, calon hendaklah berumur 30 tahun ke atas dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia melebihi 5 tahun atau Kerajaan Negeri Sembilan melebihi 2 tahun. DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus berhak mengurniakan pingat ini kepada sesiapa sahaja yang baginda fikirkan layak dan sesuai.

10. **PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)**

Pingat ini dikurniakan kepada individu yang telah berbakti dan berkhidmat dengan cemerlang di Negeri Sembilan termasuklah individu yang telah berjasa dan berkebolehan serta baik tingkah lakunya. Dikalangan pegawai Kerajaan pula, calon perlulah telah berkhidmat dengan cemerlang dan telah memberikan perkhidmatan sekurang-kurangnya 3 tahun dengan Kerajaan Malaysia atau 1 tahun dengan Kerajaan Negeri Sembilan.

11. **PINGAT KHIDMAT LAMA (P.K.L.)**

Pingat ini dikurniakan kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Sembilan yang telah berkhidmat untuk Kerajaan Negeri dengan cemerlangnya melebihi daripada 20 tahun.

Disediakan oleh:

Unit Pengurusan Majlis Rasmi & Protokol
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Setiap borang pencalonan hendaklah dikemukakan dalam dua (2) salinan berserta salinan kad pengenalan calon. Butir-butir yang diisi dalam borang pencalonan hendaklah ditaip atau ditulis dengan huruf besar dan maklumat hendaklah diisi dengan lengkap.

Borang pencalonan hendaklah sampai ke alamat seperti di bawah ini sebelum atau pada **30 OGOS 2022** :-

YB Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri
70503 Seremban.

(u/p : UNIT PENGURUSAN MAJLIS RASMI DAN PROTOKOL)